

TERMA DAN SYARAT
KEMPEN STAY SAFE & WIN SSPN-i 2021

KEMPEN

1. Kempen **Stay Safe & Win SSPN-i 2021** diadakan bertujuan menggalakkan serta meningkatkan kesedaran umum terhadap kelebihan simpanan untuk masa depan, sekali gus memperkukuhkan lagi jenama Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN);
2. Kempen ini sejajar dengan misi organisasi untuk memupuk budaya menyimpan dalam kalangan masyarakat, di samping membolehkan pelanggan menikmati ganjaran yang menarik;
3. Kempen ini juga menawarkan pelbagai hadiah lumayan kepada semua yang layak serta memenuhi terma dan syarat;
4. Kempen ini terbahagi kepada 3 kategori :-
 - a) Kategori Platinum
 - b) Kategori Gold
 - c) Kategori Silver

TEMPOH KEMPEN

5. Tempoh kempen bermula **1 Jun 2021 sehingga 30 September 2021**;
6. PTPTN mempunyai hak mutlak menukar atau meminda tempoh kempen ini sekiranya perlu tanpa memberi sebarang notis terlebih dahulu.

KELAYAKAN UMUM

7. Terbuka kepada **pendeposit SSPN-i**;
8. Kempen ini **TIDAK LAYAK** disertai oleh kakitangan PTPTN dan ahli keluarga (merangkumi pasangan dan anak-anak);
9. Pendeposit perlu membuka akaun atau membuat penambahan simpanan dalam tempoh kempen;
10. Setiap simpanan bersih RM50.00 yang dibuat akan melayakkan satu (1) cabutan;

11. Pendeposit perlu membuat pengekalan simpanan **selama TIGA (3) BULAN** selepas tamat tempoh kempen iaitu bermula **Oktober sehingga Disember 2021**;
12. Pendeposit perlu memastikan akaun kekal aktif (akaun tidak ditutup) sehingga tarikh cabutan.

KELAYAKAN KHAS

- Penentuan kelayakan adalah berdasarkan kategori berikut :

Kategori	Simpanan Bersih
Platinum	RM15,000.00 dan ke atas
Gold	RM8,000.00 – RM14,999.99
Silver	RM200.00 – RM7,999.99
Bilangan cabutan adalah berdasarkan kepada setiap simpanan bersih RM50.00 melayakkan satu (1) cabutan. Tiada had bilangan.	

HADIAH KEMPEN DAN TUNTUTAN HADIAH

13. Setiap pendeposit berpeluang memenangi hadiah berikut:

1) Kategori Platinum :

Hadiah	Bilangan Hadiah
Pertama : Kereta Proton X50	1
Kedua : Baucar Barang Kemas RM10,000	1
Ketiga : Komputer Riba Apple Macbook Air	1
Saguhati : Tunai SSPN-i bernilai RM800	10
Jumlah Keseluruhan	13

2) Kategori Gold :

Hadiah	Bilangan Hadiah
Pertama : Kereta Perodua Myvi 1.5cc	1
Kedua : Komputer Riba DELL intel® Core i5	1
Ketiga : Baucar Barang Kemas RM5,000	1
Saguhati : Tunai SSPN-i bernilai RM500	10
Jumlah Keseluruhan	13

3) Kategori Silver :

Hadiah	Bilangan Hadiah
Pertama : Motosikal Yamaha Y15zr	1
Kedua : Komputer Riba DELL intel® Core i3	1
Ketiga : Baucar Barang Kemas RM2,000	1
Saguhati : Tunai SSPN-i bernilai RM200	10
Jumlah Keseluruhan	13

14. Pemenang akan dimaklumkan melalui surat/ emel/ panggilan telefon atau kaedah penyampaian lain yang bersesuaian;
15. Hadiah berbentuk ganjaran tunai yang dimenangi akan dikreditkan ke dalam akaun SSPN-i dalam tempoh **DUA (2) BULAN** dari tarikh cabutan;
16. Hadiah yang dimenangi tidak boleh ditukar atau dipindah milik sama ada sebahagian atau keseluruhannya kepada bentuk lain selain yang ditetapkan oleh PTPTN;
17. PTPTN berhak secara mutlak untuk menukar atau menggantikan hadiah lain dengan nilai yang setara dengannya tanpa perlu memberi apa-apa notis pertukaran tersebut;
18. Pemenang hendaklah bertanggungjawab ke atas apa-apa caj yang boleh dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang, jika berkenaan;
19. Pemenang perlu menanggung semua kos tuntutan hadiah dan kehadiran ke majlis penyampaian hadiah jika berkenaan;

20. Sekiranya pemenang meninggal dunia, waris yang sah boleh menuntut hadiah dalam tempoh **DUA BELAS (12) BULAN** daripada tarikh cabutan;
21. Pemenang atau warisnya dianggap telah melepaskan hak mereka jika gagal menuntut hadiah dalam tempoh yang ditetapkan;
22. Keputusan pemenang yang diumumkan oleh PTPTN adalah muktamad. Sebarang surat menyurat, pertanyaan, rayuan, bantahan atau apa-apa cubaan untuk mempertikaikan keputusan adalah tidak akan dilayan.

PERUNTUKAN UMUM

23. Sebagai pendeposit yang mempunyai akaun aktif, pendeposit dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju dengan terma dan syarat yang ditetapkan dan membenarkan butiran peribadi mereka termasuk tetapi tidak terhad kepada data peribadi untuk digunakan bagi tujuan kempen;
24. PTPTN berhak meminda, membatalkan atau menambah mana-mana terma dan syarat di dalam kempen ini sama ada secara keseluruhan atau sebahagian tanpa notis terlebih dahulu. Pindaan, pembatalan atau penambahan tersebut adalah dianggap mengatasi pernyataan seperti mana yang terkandung di dalam bahan promosi pengiklanan yang berkaitan dengannya;
25. PTPTN berhak untuk membatalkan, menamatkan atau menangguhkan kempen ini dengan atau tanpa notis terlebih dahulu dan / atau tanpa memberikan apa-apa sebab kepada mana-mana pendeposit. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan kempen ini oleh PTPTN tidak akan memberi hak kepada mana-mana pendeposit untuk apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap PTPTN ke atas apa-apa dan / atau keseluruhan kehilangan, kos, perbelanjaan atau kerosakan yang ditanggung atau dialami sebagai kesan langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut;
26. PTPTN tidak bertanggungjawab ke atas penghantaran penyertaan yang lewat, hilang, tidak lengkap, tidak diserahkan, ditangguhkan, rosak atau salah arah sama ada disebabkan kesilapan, peninggalan, pengubahan, gangguan, penghapusan, kecurian, pemusnahan atau sebaliknya;
27. PTPTN berhak membatalkan sebarang penyertaan tanpa sebarang notis, sekiranya didapati pendeposit tidak layak dan tidak mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan;
28. Penyertaan pendeposit dalam kempen ini adalah atas risiko pendeposit sendiri. PTPTN tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kecederaan, kehilangan, kerosakan atau tuntutan akibat penyertaan tersebut;

29. Segala terma dan syarat yang terdapat di dalam dokumen ini dan juga sebarang keputusan yang dibuat oleh PTPTN berhubung kempen ini adalah muktamad dan konklusif. PTPTN tidak akan melayan sebarang rayuan atau pertikaian melibatkan keputusan yang telah dibuat;
30. PTPTN boleh menggunakan penyertaan pendeposit termasuk tanpa terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan promosi (secara kolektif dinamakan “Bahan”), dan nama pendeposit, dan/atau persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan promosi mana- mana barangan atau perkhidmatan PTPTN, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan dalam mana-mana media. Pendeposit hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh PTPTN;
31. Segala surat-menyurat yang dihantar ke alamat terakhir mengikut rekod PTPTN adalah dianggap telah diserahkan kepada pendeposit.

Maklumat dikemas kini pada 28 Mei 2021